



MAYAT empat kanak-kanak dari satu keluarga ditempatkan di hospital selepas rumah mereka musnah diserang Israel. Sekurang-kurangnya sembilan ahli keluarga itu terkorban dalam insiden berkenaan.

# Bayi, wanita sasaran Zionis

Metro 20/1/12 MS 38

## 9 sekeluarga antara mangsa terbaru serangan udara

**G**AZA CITY: Satu lagi pembunuhan beramai-ramai membabitkan nyawa kanak-kanak Palestin di Gaza gagal mengubah pandangan dunia ketika Israel - dengan sokongan Amerika Syarikat (AS) dan negara Barat lain - meneruskan serangan ganas pada hari kelima berturut-turut, semalam.

Serangan melalui udara dan laut itu membunuh 23 penduduk Palestin, termasuk 14 wanita dan kanak-ka-

jadi 69 orang hanya dalam tempoh kira-kira 100 jam serangan udara Israel.

Serangan udara Zionis itu meranapkan sebuah bangunan dua tingkat milik sebuah keluarga.

Pegawai kesihatan berkata, empat wanita dan lima kanak-kanak - termasuk seorang bayi - dari satu keluarga terkorban akibat serangan itu.

Penyelamat bergegas menarik keluar mangsa dari bawah runtuhan ketika orang

jika negara penganas itu mengelak daripada melancarkan serangan darat ke atas Gaza.

Obama berkata, Israel mempunyai hak untuk mengharapkan tiada sebarang misil disasarkan ke wilayah mereka.

Sementara itu, delegasi Liga Arab diketuai Nabeel al-Arabi, akan melawat Gaza hari ini bagi menunjukkan sokongan kepada wilayah berkenaan.

Presiden Mesir, Moham-

nak. Kementerian Kesihatan Hamas berkata, insiden itu mencatat kematian paling tinggi sejak kempen ketenteraan Israel ke atas Gaza dilancarkan.

Sembilan kanak-kanak - lima daripadanya bayi dan budak - serta lima wanita adalah mangsa terbaru keganasan rejim Zionis, menjadikan jumlah korban men-

ramai menjeri ketakutan. Sementara itu, dunia terus menyaksikan - malah menyokong - keganasan itu ketika rejim Zionis mengulangi jenayah perang mereka.

Presiden AS, Barack Obama, serta Setiausaha Luar Britain, William Hague, sekali lagi bertegas mendakwa Israel "berhak mempertahankan diri" walaupun berkata, mereka "lebih suka"

mad Mursi, berkata ada "beberapa petunjuk" gencatan senjata akan berlaku tidak lama lagi.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat memberikan sebarang jaminan ia akan berlaku.

Seorang pegawai Israel tiba di Kaherah semalam untuk berunding dengan Hamas bagi menamatkan konflik berkenaan. - AN



SEORANG wanita Palestin dibantu petugas paramedik meninggalkan kediamannya yang musnah dalam serangan berhampiran pusat sukan di Gaza, semalam.

## Pendatang haram cuba bakar masjid di Tebing Barat

**R**AMALLAH: Pencero-  
boh menyalakan api di  
pintu masuk sebuah masjid  
di Tebing Barat semalam  
dan merosakkan pintunya  
dalam serangan didakwa  
dilakukan penduduk ha-  
ram Yahudi.

Penduduk Kampung Orif  
berhampiran Nablus ber-  
kata, sekumpulan pendu-  
duk Yahudi dari penem-

patan berhampiran masuk  
ke masjid itu sebelum su-  
buh dan mencurah minyak  
tanah di atas permaidani  
usang berhampiran pintu  
masuknya.

Mereka kemudian me-  
nyalakan api di situ.

Penduduk Orif, Issam  
al-Safadi, berkata pencero-  
boh terbabit cuba masuk ke  
masjid tetapi gagal kerana

ia dikunci.

"Mereka akhirnya mem-  
bakar permaidani lama dan  
pintu masjid," katanya.

Kumpulan hak asasi ma-  
nusia Israel, B'tselem, ber-  
kata serangan itu dipercayai  
dilakukan kumpulan sama  
merosakkan sekurang-ku-  
rangnya 10 masjid lain di  
Tebing Barat sejak 2009. -  
Reuters